

07/11/2003

Kurangkan politiking: PM (HL)

Kadir Dikoh; Salina Abdullah; Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua peringkat pemimpin Umno, termasuk menteri besar dan ketua menteri mengamalkan pendekatan permuafakatan dan mengurangkan `politiking`.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno berkata, pemimpin parti perlu menunjukkan bahawa Umno kini adalah sebuah pertubuhan yang utuh, terutama dari segi kerjasama dengan ahli.

"Malah pendekatan untuk bekerjasama dengan rakyat berdasarkan bekerja dengan saya, bukan untuk saya, diterima baik oleh ahli Majlis Tertinggi (MT) dan ia patut dijadikan amalan semua pemimpin Umno supaya sentiasa menemui rakyat," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno selama dua setengah jam di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang semalam.

Ini adalah mesyuarat MT pertama dipengerusikan Abdullah selaku Pemangku Presiden Umno setelah mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad 30 Oktober lalu, berkuat kuasa sehari selepas itu.

Beliau yang kelihatan riang dan penuh yakin, menjawab pelbagai pertanyaan daripada wartawan tempatan dan asing pada sidang akhbar yang penuh sesak itu, kemudian menghadiri majlis berbuka puasa bersama ahli MT di tempat yang sama.

Hari ini, Abdullah akan mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di tempat yang sama dan akan dihadiri oleh semua presiden 14 parti komponen.

Abdullah berkata, semua pihak termasuk menteri besar dan ketua menteri hendaklah memastikan semua projek kerajaan tidak terbengkalai atau tertangguh, sebaliknya bekerja kuat supaya persiapan menghadapi pilihan raya dapat ditingkatkan.

"Kita inginkan kemenangan yang besar dalam pilihan raya nanti. Kita juga mahu supaya lebih ramai golongan muda dan intelektual mendekati kita... mendekati Umno. Di samping itu, kita sama-sama perlu menunjukkan parti ini lebih baik waktu ini... dari segi kerjasama dan muafakat di antara ahli parti.

"Kita tidak mahu ada `politiking` sesama kita pada peringkat kepimpinan. Ini penting untuk kita menunjukkan ada muafakat yang elok dan kerjasama kukuh. Semua ini perlu dilakukan kerana Umno, rakyat dan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau berasa terharu atas sokongan ahli MT kepadanya untuk menjalankan tugas sebagai Pemangku Presiden serta sokongan mereka kepada beberapa langkah yang diambil sejak beliau menyandang jawatan itu.

"Saya gembira langkah-langkah itu mendapat sokongan. Pendekatan untuk bekerjasama dengan rakyat, `bekerjasama dengan saya, bukan untuk saya` patut dijadikan amalan bagi semua pemimpin Umno yang sentiasa berjumpa dengan rakyat," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mengumumkan pelantikan timbalannya sebelum menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Nigeria dan melawat Jepun bulan depan, Abdullah berkata beliau belum memutuskan sama ada hendak menghadiri mesyuarat CHOGM.

Bagaimanapun katanya, soal pengisian jawatan timbalan perdana menteri dan pemangku timbalan presiden Umno tidak dibincangkan pada mesyuarat itu.

"Tidak ada, tidak dibincangkan. Jawatan timbalan presiden tak dibincang,

dulu pun tak bincang, sekarang pun tak bincang. Bila dah siap, saya akan umumkan," katanya.

Mengenai cabaran utama yang akan dihadapinya pada pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata: "Nantilah dulu."

"Kita belum bincang lagi sesama kita. Semua langkah yang ingin kita lakukan khusus untuk pilihan raya akan diputuskan kemudian. Tetapi pada waktu ini apa yang kita buat ialah mengemaskinikan parti."

Beliau menjelaskan, tumpuan kini adalah untuk memastikan semua tugas terutama pada peringkat negeri tidak tertangguh dan mengelak daripada berlaku projek terbengkalai supaya khidmat kepada rakyat diteruskan.

"Jangan lupa ia penting dalam kita bersedia menghadapi pilihan raya, kita tak boleh henti kerja untuk rakyat, kita perlu pastikan projek selesai dan rakyat boleh gunakan kemudahan yang ada. Ini perlu berjalan secara terus.

"Kita semua akan terus bekerja kuat supaya persiapan menghadapi pilihan raya dapat ditingkatkan dan kita inginkan kemenangan yang besar dalam pilihan raya yang akan diadakan nanti," katanya.

Perdana Menteri juga berkata sokongan parti dan Kabinet kepadanya juga dapat membantu memperbaiki lagi public delivery system ke arah mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Mengenai kedudukan terkini penubuhan jawatankuasa penaja di semua 190 bahagian Umno termasuk 25 bahagian baru, Abdullah berkata, perkara itu akan diputuskan secara muktamad pada mesyuarat MT akan datang.

"Saya dah maklumkan dan dapat senarai penuh daripada badan perhubungan Umno (negeri). Ia (senarai) ada bersama saya sekarang. Saya kena bentangkan dulu pada (mesyuarat) jawatankuasa pengurusan... kita kena semak dulu.

"Lepas kita semak saja kita akan bentangkan dalam mesyuarat MT, untuk kelulusan dan dilaksanakan. Kita akan buat keputusan muktamad pada mesyuarat MT akan datang," katanya.

Beliau berkata, MT juga bersetuju untuk mengadakan majlis terima kasih dan penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali selepas Aidilfitri.